

ATUR CARA TENTATIF

10.15 pagi	Kehadiran peserta dan pendaftaran
10.30 pagi	Kata-kata aluan Moderator
10.35 pagi	Penyampaian wacana:
	“Transformasi Pengurusan Zakat Berasaskan Teknologi & Digital di Negeri Kedah dalam Membangunkan Asnaf & Komuniti” – YBrs. Dr. Mohd Faisal bin Mustaffa
11.35 pagi	Sesi soal jawab
12.00 tengah hari	Tamat

Mengenai Siri Wacana KITA

Siri Wacana KITA memberi ruang kepada sarjana dan pelajar pasca siswazah mengenengahkan buah fikiran mereka mengenai pelbagai isu sosial berkait dengan etnik. Hasil daripada wacana tersebut dapat dipertimbangkan untuk penerbitan dalam Siri Kertas Kajian Etnik UKM. Untuk maklumat lanjut mengenai penerbitan di KITA seperti Siri Kertas Kajian Etnik UKM dan Journal of Ethnic & Diversity Studies (JOEDS), sila hantarkan e-mel kepada rachelchansuetkay@ukm.edu.my atau layari laman web KITA di <https://www.ukm.my/kita/ms/pusat-sumber/>.

Penafian: Pandangan-pandangan yang terkandung dalam pembentangan di bawah Siri Wacana KITA adalah pandangan setiap pembentang yang terlibat dan tidak mewakili pandangan KITA.



SIRI WACANA KITA BIL. 3/2025

Transformasi Pengurusan Zakat Berasaskan Teknologi & Digital di Negeri Kedah dalam Membangunkan Asnaf & Komuniti

YBrs. Dr. Mohd Faisal Bin Mustaffa
Sarjana Tamu, Institut Kajian Etnik (KITA), UKM /
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Zakat Negeri Kedah

8 Julai 2025 (Selasa)
10.30 pagi – 12.00 tengah hari

Bilik Mesyuarat KITA
Aras 4, Blok Pentadbiran
Kolej Keris Mas
Universiti Kebangsaan Malaysia
Bangi, Selangor

Platform Dalam Talian:
Zoom & Facebook Live KITA

ABSTRAK

Pendigitalan zakat bukan sekadar transformasi teknokratik, tetapi suatu fenomena sosial-budaya yang sedang membentuk semula hubungan antara institusi, komuniti dan negara. Ceramah ini menggarap pendekatan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam memperkasa zakat melalui teknologi digital, khususnya menerusi platform Zakat OnTouch – sebagai satu bentuk digital social contract yang mewujudkan kepercayaan, kebersamaan dan kebertanggungjawaban antara umat dan institusi. Inovasi ini menandakan peralihan struktur dari model agihan linear kepada rangkaian sosial digital yang bersifat interaktif, telus dan responsif. Melalui live dashboards, real-time distribution maps, dan naratif impak di media sosial, zakat bukan lagi entiti "terputus dari masyarakat", tetapi kini mengalir dalam ruang siber sebagai instrumen legitimasi moral dan sosial Islam kontemporari. Pendigitalan LZNK mencipta semula makna budaya terhadap konsep pemberian, kebajikan, dan solidariti kelompok, dengan bahasa teknologi dan data sebagai medium baharu untuk menyampaikan nilai-nilai kemanusiaan Islam. Di sini, Zakat OnTouch bukan sekadar aplikasi, tetapi artefak budaya moden yang membawa identiti kolektif dan jati diri digital umat Islam Kedah. Ceramah ini juga menyentuh bagaimana pendekatan ini memberi impak terhadap pemerikasaan komuniti rentan — bukan sekadar sebagai penerima, tetapi sebagai subjek aktif dalam ekonomi mikro, pendidikan, dan pembangunan diri. Di tengah arus geopolitik digital Asia Tenggara, pendekatan ini menawarkan naratif alternatif kepada hegemoni luar: bahawa institusi Islam mampu bersaing, membina kuasa lunak sendiri, dan memperkukuh kedaulatan sosial digital melalui inovasi berakar pada nilai dan budaya tempatan.

BIODATA RINGKAS PEMBENTANG



DR MOHD FAISAL BIN MUSTAFFA, BCK ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi), Lembaga Zakat Negeri Kedah, dan Sarjana Tamu di Institut Kajian Etnik (KITA), UKM. Beliau merupakan mantan Ahli Lembaga Pengarah Tabung Haji dan juga Ahli Lembaga Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) . Berkelulusan PhD Pengurusan Media (UUM), beliau turut mengikuti program Oxford Strategic Leadership di Universiti Oxford dan Graduan program *Aspiring Director Immersion Programme (ADIP)* anjuran *Institute of Corporate Director (ADIP)* dan Bursa Malaysia. Terlibat dalam pembangunan dasar sosial Islam dan transformasi pengurusan zakat berteraskan data.